

Syor Pindaan Akta 333 Ke Mesyuarat Kabinet

Kuala Lumpur: Cadangan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada pemandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol (DUI) terbabit kemalangan yang menyebabkan kematian, akan dibawa ke dalam mesyuarat Kabinet, minggu depan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata beliau akan membawa memorandum berkenaan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

Katanya, keperluan untuk meminda akta itu adalah susulan kemalangan maut membabitkan tiga beranak di Jalan Ipoh-Gerik di Perak kelmarin, selepas kenderaan mereka dikatakan dirempuh pikap dipandu pemandu DUI.

Dalam nahas di Kilometer 72, Jalan Ipoh-Gerik, berdekatan Kampung Kuak, Sauk, tiga beranak yang maut adalah NurulHuda Arifin, 31; suaminya, Abdul.Hakim Hashim, 32, dan anak bongsu mereka, Adib Aidan, 2.

"Tragedi kemalangan jalanraya akibat DUI seperti apa yang menimpa Nurul Huda ini mengundang kesedihan kepada keluarga mangsa.

"Berita sebegini menguatkan lagi tekad untuk memerangi pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah dan pemanduan secara berbahaya.

"Cukup-cukuplah. Saya akan membawa memorandum kepada Kabinet untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kes DUI pada minggu depan.

"Langkah ini supaya tragedi sebegini tidak berlaku lagi atau sekurang-kurangnya dapat dicegah secara drastik," kata Ka Siong menerusi Facebooknya, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kementerian komited mengenakan hukuman yang lebih berat supaya tiada lagi pemandu yang berani memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara berbahaya.

"Fikirkan diri sendiri dan orang lain sebelum memandu. Demi masyarakat kita, janganlah memandu dalam keadaan mabuk atau di bawah pengaruh dadah atau memandu secara berbahaya," katanya.

Dalam tragedi di Sauk itu, Nurul Huda maut di tempat kejadian, manakala suami dan anaknya meninggal dunia ketika dirawat di Hospital Kuala Kangsar.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisioner Razali Ibrahim dilaporkan berkata, ujian saringan narkotik terhadap pemandu pikap terbabit dalam nahas itu mendapati suspek positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

Lelaki berusia 33 tahun yang bekerja sebagai pembalak itu direman empat hari bermula kelmarin untuk siasatan mengikut Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Semakan polis turut mendapati suspek mempunyai 27 saman lampau dan empat saman yang belum dijelaskan atas pelbagai kesalahan trafik, terutama memandu laju.

